

03/07/2002

Pas hantar 2,000 petugas ke Kedah

KOTA BHARU, Selasa - Pas Kelantan akan menghantar kira-kira 2,000 petugas ke Kedah secara berperingkat bagi membantu jentera parti menjelang pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, 18 Julai ini.

Setiausaha Badan Perhubungan Pas Kelantan, Wan Ismail Jusoh, berkata Pas Kelantan ditugaskan menjaga peti undi Sungai Tiang.

Katanya, Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan beberapa pemimpin parti juga dijangka berada di Kedah.

"Kawasan yang perlu dijaga Pas Kelantan dikenal pasti kubu kuat parti lawan. Jadi kita akan gunakan pendekatan terbaik bagi memastikan sokongan memihak kepada Pas.

"Matlamat kita ingin membantu Pas mengekalkan kedua-dua kerusi (Pendang dan Anak Bukit)," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit diadakan berikutan kematian Allahyarham Datuk Fadzil Noor yang juga Presiden Pas, 23 Jun lalu. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 10 Julai ini untuk penamaan calon dan 18 Julai sebagai hari mengundi.

Sementara itu, Ketua Dewan Pemuda Pas Kelantan, Takiyuddin Hassan, berkata pihaknya menyenaraikan 50 ahli Pemuda Pas dari setiap kawasan di negeri itu bagi membantu jentera pilihan raya Pas Kedah.

Katanya, Pemuda Pas Kelantan akan mula berkampung di Kedah esok sehingga selesai proses pengundian.

Beliau menjangkakan pertarungan sengit antara Pas dan Barisan Nasional (BN), khususnya Umno.

"Memang Pas kehilangan Presiden, manakala Umno dikatakan ingin menghadihkan kemenangan kepada Presidennya (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), tetapi yang utama bagi Pas ialah meyakinkan pengundi rekod perkhidmatan Pas selama ini.